

SOALAN NO: 275

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH :

SOALAN :

YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membanteras wabak denggi memandangkan bilangan kematian sedang meningkat. Berapakah amaun yang dibelanjakan pada masa ini dan untuk tujuan apa.

Tuan Yang di-Pertua,

Penyakit demam denggi adalah merupakan masalah kesihatan awam yang utama di negara ini dan statistik terkini dari Januari hingga 2 Mei 2015 menunjukkan peningkatan kes dan kematian berbanding tempoh yang sama pada tahun 2014. Untuk kes denggi, jumlah kumulatif kes yang dilaporkan di seluruh negara adalah sebanyak 40,007 kes, berbanding 29,788 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2014, iaitu peningkatan sebanyak 34.3% (10,219 kes). Manakala sejumlah 126 kematian dilaporkan berbanding 66 kematian dalam tempoh yang sama pada tahun 2014, iaitu peningkatan sebanyak 91%.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah drastik yang diambil untuk membendung penularan penyakit demam denggi ini adalah seperti berikut:-

- i. Mengaktifkan Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan satu mesyuarat telah diadakan pada 31 Mac 2015.
- ii. Mengaktifkan semula Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Denggi yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, secara bersepadu melalui kerjasama enam (6) kementerian iaitu:
 - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
 - Kementerian Kerja Raya
 - Kementerian Sumber Manusia
 - Kementerian Pendidikan
 - Kementerian Komunikasi dan Multimedia
 - Kementerian Dalam Negeri dan
 - termasuk Kerajaan Negeri.
- iii. Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Denggi pada peringkat negeri yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar atau diwakilkan kepada Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau Exco Kesihatan dengan kerjasama pelbagai jabatan dan juga agensi.

- iv. Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan iaitu Ops Gempur Tapak Binaan. Hasil aktiviti Ops Gempur dari 10 Februari hingga 14 Mac 2015, mendapati daripada 111 tapak binaan yang telah diperiksa, sebanyak 95 atau 86% daripadanya mempunyai pembiakan serangga pembawa penyakit dan kesemuanya akan didakwa di mahkamah. Sebanyak 80 atau 72% tapak binaan telah diberi perintah penutupan untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan.
- v. Melaksanakan aktiviti kawalan menggunakan kaedah baru iaitu *Outdoor Residual Spray (ORS)* untuk membunuh nyamuk Aedes yang dilaksanakan di negeri Selangor melibatkan daerah Petaling, Hulu Langat, Gombak dan Klang bermula sejak 11 Februari 2015. Hasil pelaksanaan aktiviti ORS ini, didapati jumlah lokaliti hotspot menurun daripada 256 lokaliti pada 1 Mac 2015 kepada 58 lokaliti pada 3 Mei 2015 iaitu pengurangan sebanyak 77% lokaliti hotspot.
- vi. Meningkatkan aktiviti promosi kesihatan untuk mendapatkan penglibatan masyarakat di pelbagai media massa samada di televisyen, akhbar tempatan dan radio dan penggunaan media sosial iaitu melalui *facebook*, *whatsapp*, *twitter* dan *blog*.
- vii. Meningkatkan kerjasama dengan syarikat swasta melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam melaksanakan aktiviti pencegahan denggi melibatkan pelajar, contohnya program *Dengue Patrol* dan menjalankan kempen Anti denggi seperti *Dengue Free Malaysian Movement*.

viii. KKM meningkatkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi kes yang tertinggi di negeri tersebut dengan menjalankan Program Terjah Dan Musnah Aedes 2015 serta mengujudkan Taskforce Denggi bagi Daerah Petaling bermula pada 7 Februari 2015. Aktiviti yang dijalankan dalam Program ini adalah pembersihan kawasan hotspot denggi, pembersihan pangaspuri kos rendah, pemeriksaan semua tapak binaan di daerah Petaling, pemeriksaan di Kg. Baru Cina, pembersihan longkang seluruh daerah Petaling dan pembersihan taman awam dan taman rekreasi.

Amaun keseluruhan perbelanjaan yang diperuntukan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) untuk aktiviti kawalan dan pencegahan Denggi serta pengesahan awal kes Denggi bagi tahun 2015 adalah sebanyak **RM 26,032,934**. Peruntukan ini adalah untuk pembelian racun serangga, COMBO Rapid Test Kit dan peralatan *Residual spray*. Jumlah ini tidak termasuk perbelanjaan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi yang telah digunakan di peringkat negeri.